

TERHAD

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Cawangan Tenaga Kerja
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 603-4013 1400
Faks : 603-4013 1406



Malaysian Armed Forces Headquarters
Services Staff Division
Manpower Branch
Ministry of Defence
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 603-4013 1400
Fax : 603-4013 1406

15 Jun 2023

MATM/BPA-CTK (TKC)/500-2/5/1-(10)

Saudara/Saudari,

**TAWARAN MENGHADIRI PEMILIHAN PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH (GRADUAN)
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) PENGAMBILAN TAHUN 2023.**

1. Adalah dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa Saudara/Saudari terpilih untuk menghadiri Pemilihan Pegawai Kadet Lepasan Ijazah (Graduan) Pengambilan Tahun 2023 mulai **3 Julai 2023 hingga 7 Julai 2023** bertempat di **Pangkalan Udara Subang, Selangor**.
2. Saudara/Saudari perlu melaporkan diri di lokasi yang dinyatakan pada **3 Julai 2023 jam 0800**. Perincian dan keperluan melapor diri di Pusat Pemilihan seperti di **Kembaran A** kepada surat tawaran ini. Diharapkan Saudara/Saudari tidak melepaskan peluang keemasan ini untuk hadir pada tarikh, masa, dan tempat yang telah ditetapkan.
3. Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


ROBA'I BIN RAHMAT
Brigedier Jeneral
hp Ketua Staf Markas ATM

Kembaran:

- A. Peraturan Melapor Diri Bagi Calon Pegawai Kadet Lepasan Ijazah (Graduan) ATM Pengambilan Tahun 2023.

TERHAD

TERHAD

**KEMBARAN A KEPADA
MATM/BPA-CTK(TKC)/500/2/5/1-()
BERTARIKH JUN 2023**

**PERATURAN MELAPOR DIRI BAGI CALON PEGAWAI KADET LEPASAN
IJAZAH (GRADUAN) ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) TAHUN 2023**

PENDAHULUAN

1. Sukacita dimaklumkan bahawa anda ditawarkan untuk mengikuti Pemilihan Pegawai Kadet Lepasan Ijazah (Graduan) ATM Pengambilan Tahun 2023.
2. Sila hadir ke Pusat Pemilihan yang ditetapkan pada **jam 0800**. Bagi yang melapor diri selepas tarikh dan masa tersebut adalah dianggap **GAGAL**. Borang Pengesahan Kehadiran seperti di **Lampiran 1**.

PROSES PEMILIHAN

3. Proses pemilihan terbahagi kepada beberapa peringkat seperti berikut:
 - a. Dokumentasi.
 - b. Pemeriksaan Perubatan/Pergigian. (Calon dinasihatkan membuat persediaan rapi bagi tujuan pemeriksaan).
 - c. Ujian *Profiling* ATM.
 - d. Ujian Fizikal.
 - e. Ujian Kepimpinan.
 - f. Ujian Kecerdasan Akal.
 - g. Ujian Pengucapan Awam (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris).
 - h. Ujian Merancang.
 - i. Ujian Pengetahuan Am.
 - j. Temuduga Lembaga Awal.
4. Hanya mereka yang **LULUS** semua ujian di atas kemudian **DISOKONG** oleh Lembaga No.3 (Tiga Khidmat) dan seterusnya **DISOKONG** Majlis Angkatan Tentera (MAT) dan akan diarahkan untuk melapor diri di Akedemi Tentera Darat atau Kapal Diraja Sultan Idris I atau Kolej Tentera Udara untuk menjalani Latihan Ketenteraan.
5. **Jadual Pemilihan**. Lihat **Lampiran 2**.

PERGERAKAN

6. Pergerakan ke Pusat Pemilihan yang disyorkan adalah seperti berikut:
- a. Anda perlu melapor diri ke Pusat Pemilihan yang dinyatakan pada waktu yang telah ditetapkan. Kenderaan persendirian dan keselamatan kenderaan adalah di bawah tanggungjawab anda sendiri.
 - b. Perbelanjaan pergerakan ke Pusat Pemilihan adalah tanggungan sendiri.
- ## **DOKUMEN-DOKUMEN**
7. Anda **WAJIB** membawa dokumen-dokumen berikut: (**Kegagalan membawa dokumen asal menyebabkan anda tidak layak mengikuti ujian dan temuduga (GAGAL)**).
- a. MyKad Calon. Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - b. MyKad Ibu Bapa. 4 x salinan yang disahkan.
 - c. Sijil Kematian Ibu/Bapa. 4 x salinan yang disahkan. (Bagi calon yang kematian Ibu/Bapa).
 - d. Sijil Kelahiran Calon. Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - e. Sijil Kelahiran Ibu Bapa. 4 x salinan yang disahkan.
 - f. Sijil Kahwin. Asal dan 4 x salinan yang disahkan. (Bagi calon yang telah berkahwin).
 - g. MyKad Pasangan. 4 x salinan yang disahkan. (Bagi calon yang telah berkahwin).
 - h. Sijil Ijazah. Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - i. Transkrip Akademik. Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - j. Sijil Pelajaran Malaysia dan setaraf. Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - k. Sijil Berhenti Sekolah. Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - l. Sijil-sijil pencapaian akademik dan kokurikulum yang tertinggi. Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - m. 4 keping gambar berukuran passport terkini.
 - n. Pengesahan MQA. (<https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>). Asal dan 4 x salinan yang disahkan.
 - o. **Laporan dan Filem X-Ray dada.** (Laporan hendaklah disahkan oleh Pegawai Perubatan daripada Hospital/klinik).

LAPORAN X-RAY DADA

8. Anda dikehendaki melakukan pemeriksaan X-Ray dada dan membawa bersama **Filem dan Laporan X-Ray** tersebut ke Pusat Pemilihan (kos ditanggung oleh anda sendiri). Kegagalan untuk membawa Filem dan Laporan X-Ray akan menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan. Borang permohonan untuk pemeriksaan X-Ray adalah di **Lampiran 3**.

PEMERIKSAAN UJIAN DARAH DAN URIN

9. Pemeriksaan-pemeriksaan berikut akan **dilakukan di Pusat Pemilihan**. Calon yang gagal sebarang ujian ini akan digagalkan dalam sesi pemilihan.

- a. Ujian Darah (*Syphilis, Hepatitis B dan HIV*).
- b. *Urine for Protein and Glucose.*

INDEKS JISIM BADAN (BODY MASS INDEX)

10. *Body Mass Index (BMI)* mestilah di antara **18.0-26.9**.

11. Tinggi mestilah **tidak kurang daripada 1.62m bagi calon lelaki dan 1.57m bagi calon wanita**.

TARAF KESIHATAN

12. Calon **mestilah sihat tubuh badan** dan **tidak mempunyai sebarang penyakit kronik**. Calon juga perlu **LULUS ujian penglihatan** dan **tidak rabun warna** (calon **tidak dibenarkan berkaca mata atau memakai kanta lekap**) ketika ujian penglihatan yang akan dilaksanakan kelak.

PAKAIAN

13. Calon dikehendaki membawa pakaian yang secukupnya untuk keperluan sepanjang pemilihan. Peraturan berpakaian adalah seperti berikut:

- a. **Melapor Diri/Ujian Jasmani/Pemeriksaan Perubatan.**
 - (1) Baju T-Shirt putih berkollar.
 - (2) Seluar sukan bewarna gelap.
 - (3) Kasut sukan (sebarang warna) dan stokin putih.
 - (4) Tudung sarung hitam (bagi wanita).

b. **Ujian Bertulis.**

(1) **Lelaki**

- (a) Baju kemeja lengan panjang bewarna cerah dan bertali leher.
- (b) Seluar *slack* bewarna gelap (**seluar jeans atau kain jenis jeans tidak dibenarkan**).
- (c) Kasut kulit bertutup bewarna hitam dan bertumit serta stokin gelap.
- (d) Potongan rambut pendek dan kemas.

(2) **Wanita**

- (a) Baju kurung dan bertudung bagi yang beragama Islam.
- (b) Baju kurung/kasual atau bersesuaian bagi yang bukan beragama Islam.
- (c) **Seluar jeans atau kain jenis jeans tidak dibenarkan.**

c. Anda juga dikehendaki membawa pakaian untuk menunaikan solat dan kelengkapan lain serta keperluan harian sepanjang pemilihan dijalankan. Calon dinasihatkan membawa pakaian secukupnya sepanjang pemilihan dilaksanakan.

ALAT TULIS

14. Alat tulis seperti pensil, pen, pemadam, dan pembaris hendaklah dibawa secukupnya.

BARANG-BARANG BERHARGA

15. Keselamatan barang berharga termasuk wang tunai dan telefon bimbit adalah tanggungjawab sendiri. **Penggunaan telefon bimbit sepanjang sesi pemilihan adalah dilarang sama sekali.** Dokumen, sijil-sijil dan MyKad calon akan disimpan oleh Sekretariat Pemilihan sehingga tamat pemilihan.

SAJIAN DAN TEMPAT PENGINAPAN

16. Sajian dan penginapan akan disediakan oleh pihak ATM secara percuma sepanjang pemilihan. Calon perlu membawa **cadar** dan **sarung bantal** untuk kegunaan sendiri. Calon juga digalakkan untuk membawa **seterika** bagi kegunaan sendiri.

CALON-CALON YANG GAGAL

17. Calon yang **GAGAL** dalam pemeriksaan perubatan dan mana-mana peringkat ujian yang dilaksanakan akan terus diantar pulang.

KEPUTUSAN PEMILIHAN

18. Keputusan pemilihan akan dimaklumkan melalui laman sesawang ‘**Jom Masuk Tentera**’ dan **emel calon**. Calon boleh menyemak keputusan selewat-lewatnya pada bulan **Oktober 2023**. Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak dilayan.

SEMAKAN DAN KEPERLUAN CALON

19. Semak dan baca arahan ini dengan **teliti serta fahami** segala kehendak yang diperlukan sebelum anda menghadiri sesi pemilihan.

20. Calon yang tidak memenuhi keperluan di **perenggan 7 hingga 14** dianggap **GAGAL** dan **TIDAK PERLU HADIR** dalam ujian dan sesi pemilihan ini.

21. Calon dikehendaki mengisi dan menandatangani **Borang Persetujuan Pemeriksaan Penuh Kesihatan** seperti di **Lampiran 4**. Borang tersebut juga hendaklah diserahkan kepada Sekretariat Pemilihan ketika pendaftaran.

22. Calon dikehendaki mengisi dan menandatangani **Borang Pelepasan Tanggungan** seperti di **Lampiran 5**. Borang tersebut juga hendaklah diserahkan kepada Sekretariat Pemilihan ketika pendaftaran.

23. Sila sahkan kehadiran dengan mengisi *Google Form* di **Lampiran 1** sebelum **25 Jun 2023**. Sebarang masalah boleh menghubungi cawangan ini di talian **03-40131425**.

PENUTUP

24. Semoga anda lulus semua peringkat ujian dan berjaya dalam pemilihan ini sebagai Pegawai Kadet Lepasan Ijazah (Graduan) dan seterusnya ditauliahkan sebagai Pegawai di dalam ATM. Sila buat persiapan sewajarnya sebelum menghadiri pemilihan.

**PENGESAHAN KEHADIRAN PEMILIHAN PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH
(GRADUAN) PENGAMBILAN TAHUN 2023**

1. Sila imbas kod QR di bawah.
2. Anda hanya boleh menghantar **satu** maklum balas sahaja.
3. Kegagalan untuk memberi maklumat yang tepat dan terkini akan dianggap sebagai **GAGAL**.



**JADUAL PEMILIHAN PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH (GRADUAN) ATM
PENGAMBILAN TAHUN 2023**

BIL (a)	HARI (b)	AKTIVITI (c)	CATATAN (d)
1.	Pertama	<ul style="list-style-type: none"> - Calon Melapor. - Dokumentasi Calon*. - Pemeriksaan Perubatan/Pergigian*. 	
2.	Kedua	<ul style="list-style-type: none"> - Sambung Perubatan/Pergigian*. 	
3.	Ketiga	<ul style="list-style-type: none"> - Ujian Fizikal. - Ujian Profiling ATM. - Ujian Merancang. - Ujian Kecerdasan Akal. - Ujian Pengetahuan Am. - Ujian Kepimpinan. 	
4.	Keempat	<ul style="list-style-type: none"> - Ujian Pengucapan Awam. - Ujian Lisan KAGAT (hanya kepada calon dari jurusan Usuluddin/Pengajian Islam/Undang-undang/Syariah Islam/Pengajian Sunnah dan Pengajian Bahasa Arab). 	
5.	Kelima	<ul style="list-style-type: none"> - Lembaga Awal 	

Nota:

* Calon gagal akan dihantar pulang.

* Perubahan jadual adalah dari semasa ke semasa.

TERHAD

LAMPIRAN 3

Bahagian Perkhidmatan Anggota
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Cawangan Tenaga Kerja
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel: 03-40131425

Jun 2023

MATM/BPA-CTK (TKC)/500/2/5/1

**Pegawai Perubatan
Hospital/Klinik**

.....
PEMERIKSAAN X-RAY DADA PEMILIHAN CALON PEGAWAI KADET
LEPASAN IJAZAH (GRADUAN) ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)
PENGAMBILAN TAHUN 2023

1. Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa (Nama dan No MyKad) telah dipilih untuk mengikuti Pemilihan **Pegawai Kadet Lepasan Ijazah (Graduan) ATM Pengambilan Tahun 2023**. Beliau dikehendaki menunjukkan **Filem X-Ray dada berserta Laporan X-Ray** semasa pemilihan.
2. Mohon pihak Tuan menguruskan pemeriksaan X-Ray terhadap pembawa surat ini dan menyerahkan filem X-Ray serta laporan kepada beliau. Kos pemeriksaan X-Ray dan laporan **tidak ditanggung** oleh ATM.
3. Kerjasama pihak Tuan sangat dihargai dan diucapkan terima kasih.

AZMAN BIN A. RAHMAN
Lt Kol
bp Ketua Staf Markas ATM

BORANG PERSETUJUAN PEMERIKSAAN PENUH KESIHATAN

1. Saya dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju dengan pemeriksaan perubatan dan pergigian lengkap yang akan dilakukan selaras dengan piawaian pemeriksaan perubatan dan pergigian lengkap Angkatan Tentera Malaysia.
2. Saya juga dengan ini membenarkan secara nyata kepada mana-mana doktor, staf perubatan, klinik, hospital, pusat perubatan dan/atau mana-mana organisasi, institusi untuk mendedahkan kepada majikan saya atau wakilnya, termasuk apa-apa dan maklumat berkaitan yang diperlukan oleh mereka, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada rekod sejarah perubatan saya yang lengkap atau apa-apa maklumat mengenai kesihatan fizikal dan/atau mental saya yang lalu dan sekarang.
3. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, saya mengetepikan semua peruntukan undang-undang yang melarang mana-mana orang seperti yang dinyatakan di atas daripada mendedahkan sebarang maklumat tentang saya. Saya selanjutnya dengan ini membebaskan semua individu seperti yang dinyatakan di atas daripada semua tanggungjawab undang-undang yang mungkin timbul daripada pemeriksaan perubatan yang dilaksanakan.

.....
(Tandatangan calon)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh :

BORANG PELEPASAN TANGGUNGAN

Saya.....

No.Kad Pengenalan: dengan rela hati mengesahkan bahawa sebagai balasan kepada Kerajaan Malaysia atas permintaan saya, membenarkan saya menaiki sebagai penumpang kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia atau yang dipandu bagi pihak Kerajaan Malaysia semasa menghadiri Pemilihan Pegawai Kadet Graduan ATM Tahun dengan ini bersetuju bagi pihak diri saya, pentadbir harta pusaka dan tanggungan saya, untuk melepaskan Kerajaan Malaysia atau kakitangan atau ejennya daripada segala liability akibat daripada apa-apa kecederaan (termasuk apa-apa kecederaan yang mengakibatkan kematian) yang dialami oleh saya atau apa-apa kehilangan atau kerosakan harta benda kepunyaan saya sekiranya berlaku kemalangan semasa dalam perjalanan ketika saya berada sebagai penumpang di dalam kenderaan tersebut.

.....
(Tandatangan calon)

Tarikh:

KETERANGAN SAKSI

Tandatangan Saksi Pertama:.....

Nama Penuh:

Pekerjaan:

Alamat:.....

.....
(Hendaklah ditandatangani oleh seseorang yang berusia 18 tahun dan keatas)